

18 AUG 2000

Rais-Hak

MENYINGGUNG PERASAAN SECARA KETERLALUAN DIANGGAP MENGHASUT

KUALA KLawang, 18 Ogos (Bernama) -- Sesiapa yang menyinggung perasaan pihak lain secara keterlaluan dengan memperkecilkan hak-hak pihak berkenaan sehingga berlaku perbalahan boleh dianggap sebagai menghasut dan boleh dikenakan tindakan undang-undang, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim hari ini.

Katanya perkara berhubung hak istimewa orang Melayu yang terkandung dalam Perkara 153 Perlembagaan harus dihenti daripada dibangkitkan lagi sebelum ia melimpah menjadi hasutan atau bersifat sebagai memecahbelahkan masyarakat.

Jika ketegangan masyarakat melimpah menjadi hasutan yang memecahkan masyarakat, maka tindakan undang-undang boleh dijalankan mengikut Seksyen 3 dan 4 Akta Hasutan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Badan Khairat Kematian Masjid Kampung Chenor, dekat sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) Datuk David Chua yang meminta hak keistimewaan orang Melayu dihapuskan di bawah dasar penyusunan semula masyarakat.

Rais berkata seseorang memang boleh mengeluarkan pandangan daripada segi akademik dan kecenderungan untuk berhujah secara akademik berbeza daripada kecenderungan menghasut.

Katanya Perkara 153 Perlembagaan telah termaktub sejak 1948 semasa perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan dibawa masuk ketika Perlembagaan 1957 wujud yang turut diiktiraf oleh Raja-Raja Melayu.

Dalam peraturan di Parlimen juga, katanya, isu raja, isu bahasa, hak keistimewaan orang Melayu tidak boleh dibangkitkan kerana telah jelas dinyatakan.

"Hak keistimewaan tidak lagi wajar dibangkitkan...kita banyak kerja lain yang lebih penting untuk dilakukan," katanya.

Beliau juga berkata ingatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam supaya semua pihak berhati-hati mengeluarkan kenyataan untuk mengelakkan daripada membangkitkan perasaan marah terhadap kaum lain, merupakan pesanan yang sentiasa dibuat oleh Dr Mahathir serta Perdana Menteri-Perdana Menteri terdahulu.

Di KUALA LUMPUR, Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohd Shafie Apdal berkata hak keistimewaan bumiputera dan orang Melayu tidak perlu dibangkitkan dan dipertikaikan secara terbuka.

"Saya menyeru semua pihak supaya tidak menyentuh hal ini lagi," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Maulidur Rasul Kementerian Pertahanan.

Mohd Shafie berkata landasan yang sedia ada telah disediakan kerajaan untuk membincangkan apa jua masalah yang timbul atau perkara yang diminta.

Sementara itu, di ALOR SETAR, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Chor Chee Heung meminta semua pihak supaya tidak lagi mengeluarkan kenyataan yang boleh menjejaskan perpaduan kaum dan keharmonian rakyat negara ini.

Beliau berkata rakyat hendaklah sentiasa menyedari bahawa kejayaan yang dicapai dan dikecapi negara sejak merdeka sehingga sekarang adalah hasil kerjasama dan perpaduan semua kaum.

"Sekarang bukan masa untuk mengeluarkan kenyataan atau melakukan sebarang aksi bagi menunjukkan kekuatan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Silverstone Malaysia Authokhana di Stadium Darul Aman.

Chor berkata beliau tetap yakin dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) termasuk Kabinet mampu memimpin negara ini dan menyelesaikan sebarang isu atau masalah dengan cara bijaksana.

"Jika terdapat sebarang masalah berkaitan kaum, ia hendaklah diserahkan kepada BN untuk menyelesaikannya," katanya.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim menyifatkan golongan yang mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu sebagai golongan yang buta sejarah.

Beliau berkata golongan bukan Melayu bukan sahaja telah menerima hak yang sewajarnya di negara ini malah mereka turut mencapai tahap ekonomi yang cemerlang.

Kerajaan tidak pernah merampas hak orang lain semata-mata untuk membantu golongan Melayu, katanya.

Shahidan berkata, hak keistimewaan orang Melayu akan terus kekal selagi orang Melayu bersatu.

Di KUALA LUMPUR, Pergerakan Wanita UMNO mahu pihak-pihak yang sering mempertikaikan kedudukan hak istimewa orang Melayu supaya lebih memahami pengorbanan yang telah diberikan oleh orang Melayu kepada mereka.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz dalam satu kenyataan akhbar berkata walaupun orang Melayu dan Bumiputera masih ketinggalan, mereka tidak iri hati atau menentang dasar-dasar hak sama rata kerajaan.

"Tindakan mempersoalkan perkara sensitif ini dibuat oleh mereka yang tidak menghayati hakikat bahawa orang Melayu masih ketinggalan dalam banyak bidang dan memerlukan pembelaan sewajarnya daripada kerajaan," kata beliau.

Sebaliknya, Rafidah menyeru kepada semua pihak supaya menumpukan perhatian kepada perancangan dan pelaksanaan pembangunan yang boleh dikecapi oleh semua kaum untuk mewujudkan perkongsian kemakmuran.

"Perkongsian ini perlu dikekalkan kerana ia adalah senjata penting ke arah kestabilan," kata beliau.

-- BERNAMA
MLS AHH AKD